

DPMM saran Najib umum insentif kurang bergantung barangan import
Malaysian Insider
Sept 18 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menjangka tidak akan ada banyak kejutan yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam Bajet 2014 bulan depan.

Presidennya, Datuk Syed Ali Al-Attas (gambar), berkata Perdana Menteri harus mengambil kira senario ekonomi semasa di mana kadar tukaran wang asing menyusut 10 peratus sejak enam bulan lalu.

"Saya mencadangkan bajet kali ini turut melihat supaya dikurangkan penggantungan terhadap barangan import dan produk dalam negara perlu diperbanyakkan.

"Kita juga harus melihat negara masih bergantung kepada industri lapuk yang ditinggalkan oleh banyak negara lain di Asia Tenggara. Dengan industri lama yang masih bertapak dalam negara, menjadikan pekerja asing lebih berminat untuk datang ke Malaysia.

"Industri di Malaysia masih mampu menjana keuntungan tetapi apa yang dikesalkan gaji pekerja yang berkhidmat di sektor perkilangan masih rendah dan ada yang dibayar serendah RM400 sebulan," katanya ketika ditemui pemberita hari ini.

Syed Ali berkata bajet kali ini juga harus melihat hutang rakyat yang telah meningkat terutamanya hutang akibat tidak mampu menanggung faedah hutang yang tinggi oleh vendor kad kredit tersebut.

Katanya, faedah hutang kad kredit yang mencecah 18 peratus menjadikan pemilik kad terpaksa menanggung hutang besar akibat tidak mampu menanggung bebanan tersebut.

"Kebanyakan negara luar telah mengurangkan faedah kad kredit di negara mereka. Oleh itu, saya menyarankan agar Kementerian Kewangan memandang serius isu ini dengan mengurangkan kadar faedah kepada 12 peratus.

"Saya juga menggesa kad kredit ini tidak diluluskan sewenang-wenangnya terutama graduan yang baru memasuki alam pekerjaan bagi mengurangkan jumlah mereka yang mufli di usia muda.

"Selain itu, bajet kali ini harus memfokuskan kenaikan harga rumah yang semakin tidak terkawal akhir-akhir ini. Mengapa pembeli harus membeli rumah yang berharga RM200,000 dengan RM500,000? Sebab itulah, kebanyakan peminjam terpaksa menanggung tempoh pinjaman yang terlalu lama," katanya.

Dalam sidang media itu juga, beliau melihat peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kini sudah tidak mampu memainkan peranannya dengan berkesan setelah keyakinan banyak pihak terhakis dan tidak memainkan agenda Bumiputera dengan berkesan.

Katanya, GLC perlu dikawal selia oleh golongan yang handal dan berjiwa besar seperti mereka yang pernah menerajui Felda dan UDA.

"Siapa yang mengepalai GLC, perlu mengutamakan agenda bangsa dan memberikan

orientasi yang betul kepada organisasi selain menjauhi budaya rasuah," katanya yang mahu subsidi kepada golongan Bumiputera diteruskan kerana kumpulan itu masih terdiri daripada mereka yang miskin. - 18 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dpmm-saran-najib-umum-insentif-kurang-bergantung-barangan-import>